

**Taib Letak Jawatan 28 Feb, Adenan Ketua Menteri Baharu Sarawak**  
**Bernama**  
**12 Feb, 2014**

KUCHING, 12 Feb (Bernama) -- Tan Sri Abdul Taib Mahmud pada Rabu mengumumkan meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Sarawak berkuat kuasa 28 Feb dan akan digantikan oleh Menteri di Pejabat Ketua Menteri (Tugas-Tugas Khas) dan Anggota Majlis Tertinggi Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Tan Sri Adenan Satem.

Taib berkata surat peletakan jawatannya telah diserahkan kepada Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng, Rabu.

"Apabila saya memaklumkan kepada beliau (Tun Abang Muhammad Salahuddin) mengenai niat saya itu (untuk meletak jawatan sebagai Ketua Menteri), beliau tiada bantahan," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadap Yang Dipertua Negeri Sarawak itu di Astana Negeri di Kuching.

Taib berkata nama Adenan dicadangkan kepada Tun Abang Muhammad Salahuddin dan beliau bersetuju dan majlis angkat sumpah sebagai Ketua Menteri yang baharu akan diadakan pada 28 Feb.

"Adenan mewakili satu bentuk perjanjian antara tiga calon (yang disebut-sebut menggantikan Taib sebagai Ketua Menteri)," katanya. Dua lagi calon ialah Timbalan Presiden PBB Datuk Amar Abang Johari Tun Openg dan Naib Presiden Kanan PBB Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Taib berkata pemilihan Adenan, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Tanjung Batu, sebagai penggantinya juga untuk memastikan Barisan Nasional negeri akan terus mengekalkan semangat berpasukan yang semakin utuh dalam kalangan mereka sejak beberapa tahun lepas.

Beliau yakin dengan dasar-dasar sedia ada yang telah dibangunkan bersama-sama dan pasukan pemimpin yang akan bekerja dengan Adenan, Sarawak akan mampu meneruskan momentum pembangunan pesat pada masa depan.

Taib, yang telah memegang jawatan Ketua Menteri sejak 1981 berkata beliau juga akan mengosongkan kerusi Dewan Undangan Negeri Balingian yang diwakilinya susulan peletakan jawatannya itu.

"Sebarang pilihan raya kecil selepas saya mengundurkan diri diserahkan untuk diputuskan oleh Ketua Menteri yang baharu (Adenan) dan mungkin ia akan menjadi tugas pertama beliau untuk merundingi semua rakan (parti-parti komponen) Barisan Nasional (mengenai) siapa yang akan mengisinya (kekosongan itu).

"Saya tidak ada siapa yang mahu dicalonkan sebagai pengganti saya dan untuk bersikap adil, saya

serahkannya kepada Ketua Menteri (yang baharu)," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1013912>